

BPEX galak rebut 30 peratus kuota bumiputera

KUALA LUMPUR 22 Sept. - Penganjuran Pameran Hartanah Bumiputera (BPEX) yang diadakan saban tahun merupakan komitmen Medi-Mesra Care Management (MMC Sdn. Bhd.) dalam memaklumkan kepada orang ramai berhubung unit-unit perumahan dan komersial bumiputera yang masih belum terjual di ibu negara.

Pengarah Urusan MMC Sdn. Bhd., Datuk Nor'ashikin Taib berkata, BPEX dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dianjurkan kali pertama pada 2007 berjaya membuka mata masyarakat

berhubung kewujudan kuota bumiputera yang sering dipandang ringan.

"Kami (MMC Sdn. Bhd.) mengambil peranan mempromosi lot kuota bumiputera, sekali gus membantu kerajaan menggalakkan golongan bumiputera yang berminat untuk membeli unit perumahan serta komersial.

"Ini kerana masih ada dalam kalangan masyarakat tidak mengetahui kewujudan kuota bumiputera dan sering dikatakan kuota bumi ini disorokkan oleh pemaju. Justeru, BPEX mendedahkan pelbagai

pilihan kategori hartanah seperti kondominium, apartmen, lot banglo, semi-D dan unit komersial boleh dibeli pada harga yang lebih murah melalui kuota yang ditentukan oleh kerajaan," katanya yang ditemui *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Tambah Nor'ashikin, BPEX berjaya menarik lebih 30,000 pengunjung setiap kali pameran selama dua hari itu diadakan. Bukan itu sahaja, pameran berkenaan turut disertai 60 pemaju dan 100 gerai yang disertai oleh bank, syarikat insurans, agensi kerajaan seperti Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), DBKL dan Tribunal.

"Selain itu, pada setiap kali penganjuran pameran akan menawarkan 4,000 unit hartanah dengan nilai dianggarkan RM5 bilion.

"Bidang hartanah ini luas dan sentiasa ada projek baharu, maka perlu promosi yang berterusan agar masyarakat mendapat maklumat yang tepat," jelasnya.

Katanya, pemaju akan mengambil peluang membuat pelbagai promosi termasuk diskaun harga yang lebih tinggi dari biasa pada setiap kali penganjuran.

Beliau berkata, golongan bumiputera perlu lebih aktif menguasai bidang hartanah kerana nilai pelaburan yang bakal diperoleh amat lumayan.

Justeru, beliau sentiasa menggalakkan golongan muda mengambil peluang dengan membuat simpanan untuk membeli aset seperti kediaman apabila memiliki pendapatan tetap.

"Anda perlu bijak menguruskan kewangan agar pendapatan yang diterima mencukupi untuk membuat pelaburan. Saya cadangkan simpan 20 peratus daripada pendapatan setiap bulan, masuk tahun kedua, gunakan simpanan tersebut untuk melabur membeli rumah," ujarnya.

Ketika ditanya mengenai penglibatannya dalam Simposium Hartanah Utusan 3, Nor'ashikin berkata, beliau akan berkongsi ilmu kepada orang ramai mengenai selok-belok hartanah, sekali gus menggalakkan bumiputera melabur dalam bidang ini.

"Kita perlu ada ilmu, tanpa ilmu kita mudah tertipu dan salah memilih aset. Membeli hartanah melibatkan wang yang besar, maka seseorang itu perlu bijak dalam membeli hartanah.

"Di sini (Simposium Hartanah Utusan 3) akan mengupas rahsia dalam bidang hartanah yang tidak diketahui umum.

"Rugilah mereka yang tidak dapat menghadirkan diri kerana pelbagai ilmu boleh diperolehi sepanjang dua hari program pameran itu," katanya.



SEBAHAGIAN pengunjung yang menghadiri Pameran Hartanah Bumiputera (BPEX) di Pusat Pameran Mid Valley di Kuala Lumpur pada Mei lalu.